

PETRONAS, ENEOS bekerjasama hasilkan hidrogen bersih

Oleh [Mohd Zaky Zainuddin](#) - September 10, 2021 @ 2:32pm

zaky@bh.com.my



PETRONAS sasar pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 - Foto AFP

KUALA LUMPUR: PETRONAS menerusi anak syarikatnya, PETRONAS Gas & New Energy Sdn Bhd (PGNESB) memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan ENEOS Corporation (ENEOS) bagi pembangunan bersama rangkaian bekalan hidrogen bersih kompetitif antara Malaysia dan Jepun selain meneroka peluang lain dalam perniagaan hidrogen.

Perjanjian juga bakal menyaksikan kedua-dua pihak melaksanakan kajian teknikal-komersial bersama dalam rantaian bekalan hidrogen, termasuk pengeluaran dan pengangkutan dalam bentuk 'methylcyclohexane' (MCH), iaitu hidrogen ditukarkan

dari bentuk gas asal kepada cecair bagi membolehkan penghantaran dilakukan dalam jumlah lebih besar.

PETRONAS dan ENEOS juga akan meneroka pengeluaran hidrogen berkarbon rendah menerusi kemudahan petrokimia PETRONAS dan pada masa akan datang, hidrogen hijau dihasilkan oleh tenaga boleh diperbaharui (RE).

Naib Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Gas + New Energy, Adnan Zainal Abidin, berkata perjanjian itu melanjutkan kerjasama selama tiga dekad dengan ENEOS dengan memasukkan perniagaan hidrogen daripada ruang lingkup gas asli cecair (LNG).

"Apa yang lebih penting, perkongsian ini adalah bukti bagaimana kerjasama industri dapat membantu mempercepat aspirasi bersama ke arah masa depan rendah karbon.

"Dengan munculnya sumber tenaga bersih seperti hidrogen, inovasi dan kerjasama dengan rakan kongsi dalam pengembangan teknologi adalah kunci, memandangkan mereka menyumbang ke arah mencapai kos kompetitif serta berskala untuk penggunaan lebih luas di seluruh perniagaan dan industri," katanya dalam satu kenyataan.

Perkembangan teknologi hidrogen organik cecair (LOHC) seperti MCH mendapat tarikan pantas kerana sifatnya stabil secara kimia yang membolehkan ia disimpan untuk jangka panjang dan diangkut secara jarak jauh.

Penggunaan LOHC memanfaatkan infrastruktur minyak dan petrokimia konvensional sedia ada, yang mengurangkan keperluan untuk mengembangkan aset bhaaru, sekali gus menjadikannya pilihan tepat untuk dilaksanakan oleh peserta tenaga lestari.

Bagi projek dengan PETRONAS, ENEOS sudah mengemukakan pembiayaan daripada Dana Inovasi Hijau Kerajaan Jepun yang menaja projek dan inisiatif penyahbekuan.

Sementara itu, di Malaysia, pembangunan ekonomi berasaskan hidrogen ditetapkan untuk melengkapkan pertumbuhan masa depan ketika negara ini bersiap untuk beralih ke arah ekonomi rendah karbon.

MoU itu melengkapkan aspirasi bersama PETRONAS dan ENEOS untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

Tahun lalu, PETRONAS mengumumkan hasrat untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 sebagai sebahagian daripada pendekatan holistik terhadap kelestarian, sementara ENEOS berusaha mencapai cita-cita neutral karbon melalui Visi Alam Sekitar 2040.

PETRONAS sudah menghasilkan hidrogen karbon rendah dari kemudahannya dan dijangka meneroka pengeluaran komersial hidrogen hijau tidak lama lagi.

Ia juga bersedia menjadi penyedia penyelesaian hidrogen kompetitif disokong kelebihan geografinya, selain portfolio RE serta kerjasama kukuh dengan pelanggan dan rakan teknologi.